

08 FEB 2000

Gusmao-Hubungan

HUBUNGAN MALAYSIA DAN TIMOR TIMUR CERAH

PUTRAJAYA, 8 Feb (Bernama) -- Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Timor Timur pada masa depan dijangka lebih cerah berikutan lawatan pemimpin Timor Timur Xanana Gusmao ke negara ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata hasil lawatan itu Gusmao kini lebih memahami negara ini.

Katanya pertemuan di antara Gusmao dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuka ruang yang lebih luas bagi kedua-dua negara menjalin hubungan dua hala.

"Yang penting hari ini kita tidak lagi melihat mereka (pemimpin Timor Timur) tidak memahami terhadap Malaysia," katanya selepas pertemuan kedua-dua pemimpin itu selama 40 minit di pejabat Perdana Menteri di sini.

Syed Hamid berkata demikian apabila ditanya sama ada lawatan Gusmao dapat menjelaskan pendirian dan peranan Malaysia terhadap Timor Timur.

Naib Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor (CNRT), Jose Ramos-Horta sebelum ini mendakwa Malaysia lebih memihak kepada Indonesia berikutan bekas wilayah ke-27 Indonesia itu mencapai kemerdekaan dalam satu pungutan suara Ogos lepas.

Syed Hamid berkata: "Kita lihat perkara itu sudah berakhir. Kita hendak bina ke hadapan hubungan serantau dan hubungan dua hala dan kita percaya kerajaan Timor Timur akan ditubuhkan dalam masa dua tiga tahun ini."

Ini merupakan kali pertama Gusmao, yang juga Presiden CNRT dan berkemungkinan besar menjadi presiden pertama bagi negara merdeka itu, menemui Dr Mahathir.

Pertemuan itu dianggap sebagai langkah pertama ke arah meningkatkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Timor Timur yang kini berada di bawah Pentadbiran Peralihan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Timor Timur (Untaet).

Gusmao dan Ramos-Horta, pemenang hadiah Nobel, tiba di sini malam tadi untuk lawatan rasmi tiga hari sebagai sebahagian daripada lawatan ke negara-negara Asia bagi mendapatkan sokongan dalam pembangunan semula wilayah yang musnah itu.

Pemimpin Timor Timur itu sebelum ini melawat China, Korea Selatan, Singapura, Thailand dan Filipina.

Syed Hamid dan Ramos-Horta turut hadir dalam pertemuan di antara pemimpin Malaysia dan Timor Timur itu.

Syed Hamid berkata Gusmao dan anggota rombongannya menunjukkan minat mendalam terhadap pencapaian Malaysia dan memberi sanjungan dan penghormatan tinggi kepada Perdana Menteri.

Katanya, Dr Mahathir dalam pertemuan itu telah menyuarakan kesediaan Malaysia menghulur bantuan khususnya dalam bidang pembangunan sumber manusia, latihan dan kepakaran dalam sektor pengeluaran gas dan petrolium serta latihan mewujudkan satu perkhidmatan awam yang cekap.

"Kita bersedia untuk memberikan apa jua bantuan yang mengikut kemampuan dan keupayaan kita kepada Timor Timur. Saya rasa kita kini perlu merangka butirannya," katanya.

Beliau berkata lawatan Gusmao ke Felda dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan juga taklimat di Unit Perancang Ekonomi (EPU) menunjukkan kesanggupan Malaysia untuk menjalin kerjasama dengan Timor Timur di dalam perkara-perkara dua hala selain dalam konteks serantau.

Syed Hamid berkata Gusmao juga melahirkan kesanggupan Timor Timur untuk

mencontohi formula Malaysia di dalam membangunkan negara itu.

Dr Mahathir telah memberitahu rombongan itu bahawa kejayaan Malaysia adalah disebabkan oleh kesinambungan kerajaan, kestabilan politik dan keharmonian kaum, katanya.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir juga memberitahu mereka bahawa Malaysia bersedia meninjau peluang pelaburan di Timor Timur bagi membolehkan pelabur negara ini menanam modal di sana.

Beliau berkata ketika pertemuan itu, Gusmao telah mempelawa pelabur negara ini untuk melabur di Timor Timur.

-- BERNAMA

ARA AKD